



21 JAN, 2025

Maybank berkorban demi Malaysia

Kosmo, Malaysia



MAYBANK hilang tujuh pemain mewakili skuad kebangsaan menghadapi Piala Dunia di Croatia bermula 3 Februari ini. – FARIZ RUSADIO

Maybank berkorban demi Malaysia

Oleh AIZATIE NAJMIN SULAIMAN

SKUAD hoki Maybank terus mempamerkan prestasi mem-berangsangkan apabila men-duduki tangga kedua Liga Hoki Malaysia (MHL) dengan 12 mata, hanya tiga mata di belakang pen-dahulu, Pasukan Hoki Tereng-ganu (THT).

Ketua jurulatih Maybank, Iman Gobinathan gembira de-ngan perkembangan positif pasukan serta memuji pening-katan mendadak dalam aspek teknikal termasuk keberkesanan pukulan sudut penalti (PC) dan penyudah di depan gawang.

"Prestasi pasukan semakin baik dari segi taktikal dan pe-nyudahan. Pemain juga menun-jukkan komitmen tinggi dalam setiap perlawanan. Ini perkem-bangan yang sangat positif buat pasukan," katanya.

Bagaimanapun, Maybank ber-depan cabaran besar apabila kehilangan tujuh pemain utama yang akan beraksi bersama skuad hoki dalam dewan negara di Piala Dunia di Porec, Croatia bulan depan.

Ketiadaan mereka jelas mem-beri impak besar kepada kekua-tan pasukan, terutamanya ke-tika dijadualkan menyambung

saingan MHL pada 13 Februari ini menentang TNB Thunder-bolts, hanya dua hari selepas pemain-pemain itu kembali ke tanah air.

Jurulatih itu juga menjelas-kan komitmen Maybank terha-dap pembangunan hoki negara, meskipun terpaksa mengorban-kan beberapa kekuatan utama demi menyokong pasukan ke-bangsaan.

"Kami berkorban untuk hoki Malaysia dan itu adalah sesuatu yang membanggakan. Apabila pemain kembali, fokus kami tetap untuk meneruskan per-juangan dalam MHL," ujar Iman.